



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



BUKU PANDUAN
MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-7
POLITEKNIK METRO KUANTAN
TAHUN 2023

**PANDUAN PARA GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-7
POLITEKNIK METrO KUANTAN TAHUN 2023**

1.0 PENYERTAAN KONVOKESYEN PMKu

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen. (Rujuk Perkara 2)
- ii. Memberi maklumbalas “**BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN**” **SEBELUM 1 MEI 2023.**

*(Para graduan hanya perlu melengkapkan pautan maklumbalas Borang Pengesahan Pembayaran dan Kehadiran di pautan:

<https://forms.gle/3XTH653fKB3fBiZ36>

1.2 Graduan yang hadir **MESTI** mengikut sesi berikut:

TARIKH	MASA	SESI	TEMPAT
2 Jun 2023 (Jumaat)	8.30 pagi	Pendaftaran Kajian Pengesanan Graduan & Pengambilan Jubah	Politeknik METrO Kuantan
3 Jun 2023 (Sabtu)	8.00 pagi	Raptai Majlis Konvokesyen	Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss-BelHotel, Kuantan
3 Jun 2023 (Sabtu)	1.00 petang	Majlis Konvokesyen kali ke-7 PMKu Tahun 2023	

2.0 BAYARAN KONVOKESYEN KALI KE-7 PMKU TAHUN 2023

2.1 Jumlah bayaran ini merangkumi bayaran pengurusan konvokesyen dan bayaran alumni graduan.

1. Jumlah bayaran **RM 290.00** (Bagi graduan yang memilih untuk **HADIR**)
2. Jumlah bayaran **RM170.00** (Bagi graduan yang memilih untuk **TIDAK HADIR**)

2.2 Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan **BANK COMMERCE INTERNATIONAL MERCHANT BANKERS (CIMB)** atas nama **KOPERASI POLITEKNIK METRO KUANTAN BERHAD** nombor akaun “**8009362525**”

2.3 Pembayaran melalui **Perbankan Internet (Online Banking)** sahaja yang dibenarkan. Maklumat pembayaran adalah seperti berikut:

REF 1	: NAMA PELAJAR
REF 2	: KONVO KE7

(Sila **CETAK** dan **SIMPAN** resit pembayaran sebagai bukti pembayaran)

2.4 Salinan slip pembayaran CIMB

Salinan Pertama	Salinan CIMB
Salinan Kedua	Muat turun bersama BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN di pautan yang diberikan
Salinan Ketiga & Keempat	Simpanan Graduan (bagi tujuan pendaftaran dan pengambilan jubah)

- 2.5 **Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman**, boleh menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh **Unit Peperiksaan PMKu** sehingga bayaran dijelaskan.

3.0 PENDAFTARAN GRADUAN

- 3.1 Pendaftaran graduan dibuat sebelum acara raptai bermula.
- 3.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 3.3 Jadual Pendaftaran, Raptai dan Majlis Konvokesyen (Lampiran 1)

4.0 RAPTAI KONVOKESYEN

- 4.1 Raptai Majlis Konvokesyen kali ke-7 PMKu Tahun 2023 adalah **WAJIB** dihadiri bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- 4.2 Raptai ini akan diadakan di **Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss-BelHotel, Kuantan** selepas selesai proses pendaftaran graduan.

5.0 MAJLIS KONVOKESYEN

- 5.1 Semua graduan dikehendaki mendaftar di **Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss- BelHotel, Kuantan**.
- 5.2 Graduan dikehendaki hadir lebih awal selewat-lewatnya 30 minit sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.
- 5.3 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibubapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.

- 5.4 Graduan, ibubapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum selesai Majlis Konvokesyen.
- 5.5 Tempat duduk adalah terhad, sila tunjukkan “**PAS MASUK IBU BAPA / TETAMU**”. Hanya dibenarkan untuk **DUA** orang tetamu dewasa sahaja.
- 5.6 Suhu dewan adalah sejuk. Ibulapa atau penjaga digalakkan untuk berpakaian yang bersesuaian dengan majlis.

6.0 ETIKA PAKAIAN GRADUAN DAN TETAMU

6.1 Pakaian Graduan Lelaki:-

- 6.1.1 Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMKu).
- 6.1.2 Sepasang Baju Melayu lengkap warna gelap, atau
- 6.1.3 Lounge suit termasuk seluar berwarna hitam, atau
- 6.1.4 Baju kemeja berlengan panjang berwarna bebas serta bertali leher gelap dan berseluar panjang berwarna hitam.
- 6.1.5 Kasut kulit hitam dan stokin hitam.
- 6.1.6 Songkok tidak diperlukan.
- 6.1.7 Seluar Jeans, Baju Seragam dan Kemeja-T adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

PAKAIAN DAN SAHSIAH GRADUAN LELAKI



PERINGATAN !!!

PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN SAHSIAH RUPA DIRI YANG DITETAPKAN, JAWATANKUASA KONVOKESYEN PMKU MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN

6.2 Pakaian Graduan Perempuan:-

- 6.2.1 Jubah akademik graduan (disediakan oleh pihak PMKu).
- 6.2.2 Semua graduan Islam dimestikan memakai baju kurung tradisional **ATAU** Kebaya labuh/Kebarung dan memakai kasut (bertutup).
- Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- 6.2.3 Sarung Kebaya tanpa menggunakan belah (slit) di tepi tetapi boleh memakai lipatan (pleat) di bahagian hadapan.
- 6.2.4 Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- 6.2.5 Anda juga dimestikan memakai tudung kepala berwarna putih atau berwarna krim.
- 6.2.6 Warna pakaian adalah pilihan sendiri.
- 6.2.7 Memakai kasut (bertutup).
- 6.2.8 Semua graduan bukan Islam boleh memakai pakaian formal pilihan masing-masing dan memakai kasut (bertutup).
- 6.2.9 Anda dilarang sama sekali memakai pakaian yang menjolok mata seperti pendek, jarang, ketat atau mendedahkan.
- 6.2.10 Pakaian fesyen berseluar tidak dibenarkan sama sekali.
- 6.2.11 Pakaian gaun atau 'skirt' atas paras lutut, 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

PAKAIAN DAN SAHSIAH GRADUAN PEREMPUAN



PERINGATAN !!!

PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN SAHSIAH RUPA DIRI YANG DITETAPKAN, JAWATANKUASA KONVOKESYEN PMKU MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN

6.3 Pakaian Tetamu Lelaki:-

- 6.3.1 Baju Kebangsaan, atau
- 6.3.2 Batik, atau
- 6.3.3 Lounge Suit, atau
- 6.3.4 Pakaian Rasmi yang sesuai (Seluar *Jeans* dan Kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**).

6.4 Pakaian Tetamu Wanita:-

- 6.4.1 Baju Kebangsaan, atau
- 6.4.2 Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau '*skirt*' di atas paras lutut, '*blouse*' tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**).

7.0 URUSAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH

7.1 Peminjaman Jubah

7.1.1 Salinan slip bayaran CIMB perlu ditunjukkan kepada Urusetia Pengurusan Graduan semasa peminjaman dibuat.

7.1.2 Graduan dikehendaki melengkap **Borang Permohonan Peminjaman Jubah Konvokesyen**. Bawa bersama untuk urusan peminjaman dan pemulangan jubah.

7.1.3 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA	URUSAN	TEMPAT
2 Jun 2023 (JUMAAT)	9.00 pagi	Pendaftaran	Lobi Politeknik METrO Kuantan
		Kaunter Semakan Perpustakaan	
		Kajian Pengesanan Graduan	Makmal Kuliah, Tingkat 4, PMKu
		Pengambilan Jubah	METrO Café, PMKu

Nota: Pastikan semua urusan pemulangan buku dan bayaran denda perpustakaan telah diselesaikan.

7.2 Pemulangan Jubah

- 7.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan sebaik Majlis Konvokesyen tamat.
- 7.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan sijil dan transkrip ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 7.2.3 Jubah yang hilang atau rosak akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM250.00** setiap satu.
- 7.2.4 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	MASA	TEMPAT
3 Jun 2023 (SABTU)	SELEPAS MAJLIS KONVOKESYEN	Bilik Swiss 1, Tingkat 3A, Swiss-BelHotel, Kuantan <i>(tertakluk kepada perubahan)</i>

8.0 PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP

- 8.1 Graduan boleh mengambil sijil dan transkrip di kaunter sebaik sahaja jubah konvokesyen dipulangkan.
- 8.2 Sijil dan transkrip yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PMKu. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di **UNIT PEPERIKSAAN PMKU. Sila hubungi 09-565 900 / 9030.**

**PERINGATAN: SIJIL DAN TRANSKRIP HANYA BOLEH DIAMBIL
SEKIRANYA PROSES PEMULANGAN JUBAH SELESAI**

9.0 TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 9.1 Kenderaan ibubapa graduan atau graduan boleh di parkir di ruang tempat letak kenderaan yang telah disediakan atau diarahkan.
- 9.2 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

10.0 IBU BAPA / TETAMU GRADUAN

- 10.1 Bilangan tetamu atau ibu bapa graduan yang dibenarkan masuk ke dalam Dewan Majlis Konvokesyen adalah seramai **DUA (2) ORANG** sahaja bagi setiap graduan.
- 10.2 Kanak-kanak **di bawah umur 12 tahun TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan.
- 10.3 Ibu bapa/tetamu jemputan perlu berpakaian rasmi dan sopan semasa berada di Dewan Majlis Konvokesyen PMKu kali ke-7 Tahun 2023.
- 10.4 Ibu bapa/tetamu Graduan perlu berada di dewan Majlis Konvokesyen PMKu ke-7 Tahun 2023 sebelum jam 2.00 petang. Pintu masuk dewan akan ditutup setengah jam sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
- 10.5 Ibu bapa/tetamu graduan perlu menunjukkan **Pas Masuk Majlis Konvokesyen PMKu kali ke-7 Tahun 2023** untuk masuk ke dalam dewan.
- 10.6 Mohon kerjasama ibubapa atau penjaga agar **tidak meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.**

11.0 SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

11.1 Syarikat luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.

11.2 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu dilarang mengambil gambar di dalam atau luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

12.0 BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

12.1 Pihak PMKu tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.

12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya **tidak membawa masuk** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman** atau **barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen** seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.

12.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, “*tablet*” dan lain-lain.

13.0 KUASA POLITEKNIK METrO KUANTAN

13.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah **DILARANG** atau **DITAHAN** daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.

13.2 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah **MUKTAMAD**.

13.3 Justeru itu, pihak PMKu memohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

14.0 PENGINAPAN

14.1 Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak PMKu tidak menyediakan sebarang penginapan.

15.0 HAL-HAL LAIN

15.1 Sila hubungi Pegawai berikut jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan:

AJK Jemputan & Pendaftaran Graduan:

1. Pn. Nadiatul Hanis binti Jailani (No.Tel: 09-565 9045)
2. Pn. Nurhidayah binti Rafie (No.Tel: 09-565 9062)

AJK Jubah & Pemandu Graduan:

1. En. Fatkhurrahman bin Manani (No.Tel: 09-565 9041)
2. En. Ahmad Saiful bin Abdul Manaf (No.Tel: 09-565 9041)
3. Pn. Jamilah binti Abdul Majid (No.Tel: 09-565 9091)

AJK Tracer Study & Alumni:

1. Pn. Nurullia Natasha Binti Jamal (No.Tel: 09-565 9005)

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantar kepada alamat berikut:

**Pengarah,
Politeknik METrO Kuantan,
No A-5, Jalan Tun Ismail 2,
Sri Dagangan 11, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur.
(u.p : Jawatankuasa Pengurusan Graduan)
Faks: 09 – 517 3259**

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik METrO Kuantan di www.pmku.edu.my untuk muat turun dokumen yang berkaitan dan makluman jika terdapat sebarang perubahan maklumat.

“TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA”

Jadual Pendaftaran, Raptai dan Konvokesyen kali ke-7 PMKu Tahun 2023

Tarikh / Hari / Masa	Aktiviti	Tempat
2 Jun 2023/ (Jumaat) 8.30 pagi	1. Pendaftaran Pengesahan Graduan	BK 1-2, PMKu
	2. Semakan Rekod Perpustakaan	
	3. Taklimat Kajian Pengesanan Graduan 2023	BK 5-6, PMKu
	4. Pengisian SKPG TVET 2023	Makmal Komputer PMKu
	5. Pengambilan Jubah Majlis Konvokesyen kali ke-7 PMKu Tahun 2023	METrO Café, PMKu
3 Jun 2023 (Sabtu) 8.00 pagi	Pendaftaran Konvokesyen Graduan dan Majlis Raptai	Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan
3 Jun 2023 (Sabtu) 1.00 petang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Graduan beratur masuk 2. Majlis Konvokesyen kali ke-7 PMKu Tahun 2023 berlangsung 	Swiss Ballroom, Tingkat 5, Swiss BelHotel, Kuantan

Senarai Semak Borang Konvokesyen kali ke-7 PMKu Tahun 2023

Bil	Nama Borang/ Dokumen	Catatan
1	Buku Panduan Majlis Konvokesyen kali ke-7 Politeknik METrO Kuantan Tahun 2023	Muat turun & Cetak sebelum hari pendaftaran & ambil jubah
2	Maklumbalas Borang Pengesahan Pembayaran dan Kehadiran Majlis Konvokesyen Ketujuh Politeknik METrO Kuantan 2023 di pautan https://forms.gle/3XTH653fKB3fBiZ36	Maklumbalas di pautan
3	Borang Pengurusan Majlis Konvokesyen kali ke-7 Politeknik METrO Kuantan Tahun 2023	Muat turun & Cetak (bawa pada hari pendaftaran & ambil jubah)
4	Pas Masuk Ibu Bapa / Tetamu Majlis Konvokesyen kali ke-7 Politeknik METrO Kuantan Tahun 2023	Diberi semasa sesi pengesahan pendaftaran (2 Jun 2023 di PMKu)

NOTA: Borang dan dokumen berkaitan boleh di layari di Portal Rasmi PMKu di <http://www.pmku.edu.my/portal/>